

11 JAN 1996

Asia-Tumbuh

ASIA AKAN JADI KUASA UTAMA EKONOMI, KATA PENGARANG JOHN NAISBITT

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Pengarang "Megatrends Asia" John Naisbitt meramalkan hari ini bahawa Asia akan menjadi satu kuasa ekonomi dunia pada kurun akan datang, mengatasi Jepun dan negara-negara barat.

Katanya pertumbuhan ekonomi di Asia akan menjadi nadi ekonomi dunia, yang kini di ambang zaman pembaharuan.

"Asia pernah menjadi nadi dunia dan kini tumpuan itu kembali kepada Asia," katanya kepada peserta Forum Asia Baru anjuran bersama Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa (ISIS) dan Transforma Conferences, di sini.

Semasa bercakap dari Boston di Amerika Syarikat menerusi telefonvideo, Naisbitt berkata ekonomi Asia, yang pernah dikuasai negara Jepun, kini beralih ke beberapa negara Asia lain kerana ekonomi Jepun kini dipuncaknya dan menghadapi "penurunan yang berpanjangan".

Dengan penyerahan semula Macau kepada China pada 1999, setiap inci tanah Asia akan dikawal dan diuruskan oleh orang Asia buat kali pertama dalam 400 tahun, katanya.

Sesi sejam dengan Naisbitt dipengerusikan Ketua Pengarah ISIS Datuk Dr Nordin Sopiee, yang juga pengerusi bersama Forum Asia Baru.

Naisbitt, pengarang beberapa buku terlaris di dunia seperti "Global Paradox" (1994) dan "Megatrends 2000" (1990), berkata pertumbuhan Asia pada kurun akan datang bergantung banyak kepada peranan rangkaian perusahaan yang dikendalikan oleh orang China seberanglaut dan diikuti rangkaian pengusaha dari India.

"Pengusaha China seberanglaut kemungkinan yang paling berjaya di dunia," katanya.

Ekonomi besar-besaran di Asia kini beralih daripada ekonomi berunsurkan eksport kepada pengeluaran barang pengguna, dari kawalan kerajaan kepada ekonomi berunsur pasaran dan daripada dominan lelaki kepada kebangkitan wanita dalam dunia perniagaan.

"Sehingga tahun-tahun 90-an, segala-galanya berkisar di barat dan Jepun yang menggunakan peraturan barat dalam penguasaan ekonominya. Kini Asia menetapkan peraturannya sendiri dan Jepun akan tinggal ke belakang," katanya.

Beliau juga mengusulkan pertanyaan sama ada kemajuan ekonomi Asia akan dapat berterusan tanpa dijangkiti "wabak penyakit Amerika" seperti peningkatan jenayah, kadar tinggi perceraian, kelahiran anak luar nikah dan pencapaian pendidikan yang rendah.

Forum dua hari itu bertemakan "Bagaimana Perusahaan Asia Mengubah Ekonomi Dunia" dihadiri kira-kira 100 peserta kerajaan, perniagaan dan akademik dari China, India, Jepun, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan negara-negara Asean.

Forum itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. -- Bernama.